

# Serangan seksual pelajar lelaki, guru dipenjara 16 tahun dan 10 sebatan

**KUCHING:** Seorang guru yang juga warden asrama dipenjara 16 tahun dan 10 sebatan oleh Mahkamah Sesyen semalam selepas didapati bersalah melakukan serangan seksual fizikal terhadap seorang pelajar lelaki berusia 14 tahun pada 2022.

Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman tersebut terhadap tertuduh yang berusia 43 tahun setelah mendapati tertuduh gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu terhadap mangsa di rumah warden asrama lelaki di sebuah sekolah berasrama penuh di Kuching pada Jun 2022.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14 Akta sama, dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Berdasarkan keterangan kes, mangsa yang ketika itu sakit telah pergi ke rumah warden asrama lelaki untuk mendapatkan bantuan sebelum tertuduh dipercayai mengambil kesempatan dengan menyentuh bahagian sulit mangsa ketika mangsa sedang tidur.

Perbuatan itu didakwa berulang sehingga 2023, terutama apabila mangsa melakukan kesalahan di asrama berkenaan, menyebabkan mangsa mengalami trauma dan berasa tidak selesa berada di sekolah tersebut.

Laporan polis kemudian dibuat selepas mangsa memaklumkan kejadian itu kepada ibunya.

Dalam penghakimannya, Hakim Iris antara lainnya berkata pada peringkat pembelaan, tertuduh mendakwa mempunyai rakan sekerja yang bertugas sebagai warden dan guru disiplin



**TERIMA AKIBAT:** Tertuduh (kanan) diiringi pegawai penjara keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Kuching semalam setelah selesai dijatuhkan hukuman.

mengikut jadual giliran, selain perlu pulang ke rumah bagi menjaga ibu bapanya yang uzur dan sakit.

Bagaimanapun katanya, mahkamah mendapati dakwaan tersebut tidak pernah dibangkitkan semasa kes pendakwaan, malah tertuduh juga gagal membawa mana-mana saksi berkaitan bagi menyokong keterangannya.

“Mahkamah mendapati kegagalan tertuduh memanggil saksi yang dirujuknya menyebabkan dakwaan dikemukakan tidak disokong sebarang keterangan dan hanya berupa penafian semata-mata.

“Sehubungan itu, versi kejadian yang dikemukakan pihak pendakwaan kekal tidak terganggu,” katanya ketika memberikan keputusan mengenai kes tersebut semalam.

Iris seterusnya menjatuhkan hukuman penjara 13 tahun dan lapan sebatan terhadap tertuduh di bawah Seksyen 14 SOACA 2017.

Selain itu, tertuduh turut dikenakan hukuman tambahan penjara tiga tahun dan dua sebatan mengikut Seksyen 16 Akta sama.

Secara keseluruhan, tertuduh dijatuhi hukuman penjara 16 tahun dan 10 sebatan.

Iris turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan selama dua tahun sepanjang tempoh pemenjaraan selari dengan Seksyen 26 SOACA 2017 serta dua tahun lagi selepas selesai menjalani hukuman mengikut peruntukan Seksyen 27 SOACA 2017.

Selain itu, Iris turut mengarahkan hukuman penjara bagi kes ini berjalan serentak dengan hukuman kes serangan seksual terhadap pelajar lelaki berusia 16 tahun yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen Kuching terhadap tertuduh pada 2 Oktober 2025.

Kes yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff itu menyaksikan pihak pendakwaan memanggil lima saksi sepanjang perbicaraan termasuk mangsa, pegawai, pegawai penyiasat, pegawai tangkapan dan jurugambar polis.

Manakala, tertuduh yang diwakili peguam tampil sebagai satu-satunya saksi pembelaan dalam perbicaraan itu.